

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHANG LIH KANG (TANJONG MALIM)**

**SOALAN**

**TUAN CHANG LIH KANG [ TANJONG MALIM ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimana Kerajaan memastikan ketulenan dan kesahan permohonan perlindungan antarabangsa yang dikemukakan oleh tahanan di Depot Tahanan Imigresen sebelum merujuk kepada pihak UNHCR. Apakah proses siasatan dan berapa masa yang perlu diambil untuk setiap permohonan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia bukan negara anggota kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol Mengenai Status Pelarian 1967. Dasar negara juga sehingga kini tidak mempunyai peruntukan atau takrifan khusus yang menyentuh mengenai pelarian, termasuk Akta Imigresen 1959/63. Walau bagaimanapun, Kerajaan atas dasar kemanusiaan akan menimbang membenarkan PATI yang memegang kad *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR) untuk tinggal sementara di negara ini dengan menggunakan asas kes demi kes.

Merujuk kepada pertanyaan Ahli Yang Berhormat, adalah disahkan bahawa semasa penahanan mana-mana individu oleh agensi penguatkuasaan, status individu berkenaan adalah pendatang asing tanpa izin (PATI) yang mana individu tersebut tidak memiliki sebarang dokumen perjalanan atau pas imigresen yang sah dan didapati melakukan kesalahan imigresen di bawah Akta Imigresen 1959/63. Justeru, penahanan yang dibuat adalah berdasarkan kepada peruntukan undang-undang semasa yang berkuat kuasa.

Siasatan, pemastian dan pemeriksaan yang dilaksanakan oleh JIM terhadap tahanan di Depot Tahanan Imigresen termasuk terhadap tahanan yang mendakwa memerlukan perlindungan antarabangsa daripada UNHCR merangkumi semakan dokumentasi dengan Perwakilan Asing negara asal tahanan masing-masing. Kerajaan telah bekerjasama dengan UNHCR sejak sekian lama termasuk dengan membenarkan proses penentuan status pelarian (*Refugee Status Determination*) dilaksanakan di Depot Tahanan Imigresen dari semasa ke semasa setelah proses siasatan dilakukan oleh JIM.